

20/10/2001

Pak Lah mahu temui semua penyokong kerajaan Isnin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengadakan pertemuan dengan semua penyokong kerajaan sebelum sidang Dewan Rakyat Isnin ini, berhubung pengucapan kata-kata lucu oleh seorang wakil Barisan Nasional terhadap wakil pembangkang.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tindakan Datuk Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan) menggunakan kata-kata lucu pada sesi perbahasan kelmarin adalah salah dan tidak sepatutnya berlaku.

Abdullah yang ternyata kecewa dengan peristiwa memalukan itu juga tidak menolak kemungkinan akan mengambil tindakan bagi memastikan perlakuan sedemikian tidak diulangi mana-mana penyokong kerajaan.

"Kita lihat apa yang boleh dibuat. Apa yang nyata beliau sudah melakukan sesuatu yang salah," katanya selepas pembentangan Belanjawan 2002 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, petang ini.

Beliau mengulas tindakan diambil kerajaan berhubung perbuatan Bung Mokhtar mengucapkan kata-kata lucu terhadap Chong Eng (DAP-Bukit Mertajam), kelmarin. Semalam, wakil Kinabatangan itu memohon maaf kepada Dewan Rakyat.

Bung Mokhtar mendakwa beliau bertindak sedemikian kerana tidak tahan dengan sikap wakil pembangkang yang disifatkan keterlaluan apabila membangkitkan isu agama dan mencerca Perdana Menteri.

"Setiap wakil rakyat perlu mengawal diri dan percakapan mereka ketika berbahas di Dewan Rakyat, walaupun berapa hangat pun isu yang dibincangkan.

"Hujahlah sepuas hati dengan penuh semangat tetapi perkataan yang dikeluarkan itu biarlah tidak menghina, bukan perkataan yang tidak sepatutnya dikeluarkan," katanya.

Bung Mokhtar yang ditemui di lobi Parlimen kemudian berkata, beliau menganggap isu itu sudah berakhir dan diselesaikan secara baik di Dewan Rakyat.

Bagaimanapun, beliau menegaskan beliau terpaksa bertindak sedemikian bagi mempertahankan maruah kerajaan, pemimpin dan agama yang cuba dicemar wakil pembangkang ketika perbahasan itu.

"Kita perlu mempertahankan kerajaan, nama Perdana Menteri perlu dipertahankan, isu agama perlu dipertahankan, ia tidak boleh dimomokkan," katanya.

(END)